



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 06/2020
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**GARIS PANDUAN PENGAWALAN DAN MENANGANI
PANDEMIK COVID-19 BAGI WARGA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan mengenai dengan langkah-langkah bagi mengawal dan menangani pandemik Coronavirus (COVID-19) selaras dengan pengisytiharan COVID-19 sebagai pandemik global oleh *World Health Organisation* (WHO) dan penelitian semula pihak Kementerian Kesihatan selaras dengan perkembangan ketika ini seperti berikut:

1. Penubuhan Pasukan Tindakan (*Action Team*)

Setiap Kementerian dan Jabatan Kerajaan hendaklah menubuhkan **Pasukan Tindakan (*Action Team*)** masing-masing untuk memastikan perjalanan pentadbiran masing-masing tidak terjejas. Langkah-langkah yang perlu dilaksanakan adalah antaranya seperti berikut:-

- 1.1 Melantik ketua dan ahli-ahli *Action Team*. Ketua Pasukan Tindakan hendaklah terdiri daripada Pengarah Pentadbiran atau setaraf.
- 1.2 Menyediakan dan melaksanakan ***Business Continuity Plan*** bagi menghadapi pandemik di peringkat Kementerian atau Jabatan masing-masing, termasuk untuk menggunakan kaedah *flexible working arrangements* jika bersesuaian.
- 1.3 Menggunakan **Garis Panduan atau *Standard Operating Procedure* (SOP)** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kesihatan** jika terdapat warga Perkhidmatan Awam yang disahkan positif COVID-19. A

- 1.4 Menangani senario warga Perkhidmatan Awam jatuh sakit semasa waktu bekerja.
- 1.5 Memastikan barang-barang seperti *hand sanitiser*, sabun pencuci tangan dan lain-lain barangan yang diperlukan ada disediakan di tempat-tempat yang bersesuaian termasuk pintu masuk dan keluar utama.
- 1.6 Mengadakan **pemeriksaan suhu badan** kepada sesiapa yang masuk ke Jabatan dan Kementerian.
- 1.7 Meningkatkan tahap **kebersihan** di tempat bekerja.

2. Menghadiri Mesyuarat/Seminar Di Luar Negeri dan Seumpamanya dan Keluar Negeri Atas Urusan Peribadi

- 2.1 **Kebenaran tidak akan diberikan kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk membuat perjalanan keluar negeri, kecuali jika benar-benar mustahak dan bagi urusan yang penting** pada masa pandemik, tertakluk kepada kebenaran **Jabatan Perdana Menteri melalui Setiausaha Tetap masing-masing**.
- 2.2 Bagi warga Perkhidmatan Awam yang baru sahaja pulang ke Negara Brunei Darussalam terutama sekali dari negara-negara yang terjejas hendaklah menjalani **kuarantin selama 14 hari** di pusat-pusat pengasingan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan atau menjalani **pengasingan diri (*self-isolation*) selama 14 hari** atau melaksanakan **pemantauan diri (*self-monitoring*) selama 14 hari** sebaik saja tiba di Negara Brunei Darussalam **mengikut kategori-kategori risiko** yang ditentukan melalui garis panduan atau siaran akhbar terkini **Kementerian Kesihatan** yang boleh diperolehi melalui laman sesawang Kementerian Kesihatan:

<http://www.moh.gov.bn/SitePages/countrycategoriesCOVID19.aspx>


Maklumat lanjut yang berkaitan termasuk garis panduan *Self-Isolation* boleh dirujuk melalui:

<http://www.moh.gov.bn/SitePages/COVID-19.aspx> ↓

- 2.3 Tempoh 14 hari bagi kuarantin dan pengasingan diri (*self-isolation*) tersebut tidak akan ditolak daripada hak kelayakan cuti tahunan, tertakluk kepada pengesahan daripada pihak Kementerian Kesihatan.
- 2.4 Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang melaksanakan pemantauan diri (*self-monitoring*) yang mempunyai simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan susah bernafas, perlulah **menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148** untuk mendapatkan arahan lanjut pihak Kementerian Kesihatan.
- 2.5 Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang sakit di luar negeri dari negara-negara yang terjejas adalah dinasihatkan untuk menanggungkan kepulangan mereka ke Negara Brunei Darussalam dan dikehendaki untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di negara-negara berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Senarai kedutaan boleh dirujuk melalui laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri: <http://mfa.gov.bn/Pages/missions-abroad02.aspx>
- 2.6 Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan serta Badan-Badan Berkanun hendaklah **menanggungkan sebarang jemputan atau undangan kepada sesiapa yang berkunjung atau transit daripada negara-negara yang terjejas.**

3. Melaksanakan Prosedur Deklarasi (*Self-Declaration Procedures*)

Warga Perkhidmatan Awam atau wakil dimestikan untuk **mengisytiharkan** kepada pihak Jabatan atau Kementerian masing-masing:

- 3.1 Jika pegawai atau kakitangan yang disahkan dijangkiti COVID-19;
- 3.2 Jika pegawai atau kakitangan merupakan kontak terdekat bagi sesiapa yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 sejauh mana yang diketahuinya;
- 3.3 Jika pegawai atau kakitangan merupakan kontak *secondary* iaitu telah terdedah kepada kontak terdekat sejauh mana yang diketahuinya; dan
- 3.4 Jika pegawai atau kakitangan atau kontak terdekat telah kembali ke Negara Brunei Darussalam dari luar negeri, lebih-lebih lagi dari negara-negara yang telah terjejas. 

Warga Perkhidmatan Awam yang didapati gagal memberikan pengisytiharan atau memberikan pengisytiharan yang tidak benar (*false declaration*) akan diambil tindakan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini.

4. Langkah-Langkah Berwaspada bagi Pegawai dan Kakitangan yang Terdedah Kepada Kes Yang Disahkan Dijangkiti COVID-19 dan Individu yang Disyaki atau Berkemungkinan telah Dijangkiti COVID-19

A. Terdedah kepada individu yang disahkan dijangkiti COVID-19:

- 4.1 Pegawai dan kakitangan yang telah terdedah kepada individu yang telah disahkan dijangkiti COVID-19 adalah merupakan kontak terdekat dan hendaklah **mengasingkan diri** dan **menjalani ujian COVID-19** menurut arahan Kementerian Kesihatan.
- 4.2 Tempoh **pengasingan diri** ini **tidak akan dipotong** dari kelayakan cuti tahunan.

B. Terdedah kepada individu yang disyaki atau berkemungkinan telah dijangkiti COVID-19:

- 4.3 Pegawai dan kakitangan yang telah terdedah kepada kontak terdekat (iaitu kontak kepada individu yang telah disahkan dijangkiti COVID-19) adalah merupakan kontak *secondary*. Sebagai langkah berwaspada, Setiausaha Tetap di Kementerian berkenaan hendaklah mengarahkan pegawai dan kakitangan yang merupakan kontak *secondary* untuk **menjalani *Self-Isolation*** sebagai tindakan awal, sehingga adanya pengesahan terhadap hasil ujian swab COVID-19 bagi kontak terdekat. Tindakan selanjutnya adalah tertakluk kepada keputusan hasil ujian swab COVID-19 kontak terdekat tersebut dan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan.

Pegawai/ Kakitangan atau Kementerian berkenaan hendaklah **menghubungi Talian Kesihatan 148** bagi mendapatkan arahan lanjut pihak Kementerian Kesihatan dan jika dalam tempoh *Self-Isolation* ini mereka mempunyai simptom-simptom demam panas atau tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk, selesema dan susah bernafas.

✍

- 4.4 Tempoh **pengasingan diri** ini **tidak akan dipotong** dari kelayakan cuti tahunan.
- 5 Kementerian-Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah tidak dibenarkan untuk mengadakan sebarang acara atau aktiviti keramaian buat pada masa ini.
- 6 Mana-mana warga Perkhidmatan Awam yang gagal mematuhi arahan kuarantin, pengasingan diri (*self-isolation*), gagal membuat pengisytiharan atau membuat pengisytiharan yang tidak benar (*false declaration*) yang boleh membahayakan orang ramai, maka pihak yang berwajib akan mengambil **tindakan undang-undang** yang berkuatkuasa pada masa ini.
- 7 **Badan-Badan Berkanun** dikehendaki untuk menggunapakai Garis panduan Pengawalan dan Menangani Pandemik COVID-19 Bagi Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang terkandung dalam Surat Keliling ini.
- 8 Dengan ini, Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 01/2020, 03/2020 dan 05/2020 adalah dibatalkan.
- 9 Surat Keliling ini berkuatkuasa mulai tarikh Surat Keliling ini dikeluarkan dan akan dikemaskini dari masa ke semasa menurut keperluan dan perkembangan terkini.

"Jimat Air Amalan Mulia"

Dengan hormat

[PENGIRAN HAJAH SITI NIRMALA BINTI PENGIRAN HAJI MOHAMMAD]

Pemangku Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (6) JPM/SK/2020
Tarikh : 21 Rejab 1441/ 16 Mac 2020